

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ
BIN ABDUL RAHIM
(Baling)**

TARIKH : 07.04.2015 (SELASA)

NO. SOALAN : 13

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan mengapa tahap jalan dan sistem perparitan di kawasan luar bandar masih di tahap minima di mana penyelenggaraan jalan dan parit tidak dilakukan dengan baik dan teratur sehingga menyusahkan pengguna jalan raya dan mengakibatkan bencana banjir.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sentiasa komited untuk melaksanakan projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar pada setiap tahun secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan berdasarkan kepada peruntukan yang diluluskan.

Bagi skop jalan luar bandar khususnya Jalan Perhubungan Desa (JPD), sejumlah RM6.232 juta telah diperuntukkan pada tahun 2015 bagi tujuan penyelenggaraan jalan-jalan termasuk parit yang masih belum didaftarkan di dalam senarai *Malaysia Road Record Information System* (MARRIS). Bagi jalan-jalan yang telah didaftarkan di dalam senarai MARRIS pula, penyelenggaraan adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri berkenaan. Pihak Kementerian akan meneruskan lagi pelaksanaan projek tersebut pada masa hadapan bagi memastikan tahap jalan dan sistem perparitan di kawasan luar bandar berada pada tahap terbaik agar masalah seperti bencana banjir yang berlaku dapat diselesaikan.